

Warisan Sri Pujangga UMP Raih Johan Dikir Barat



Tanjung Malim, 29 April- Kumpulan Warisan Pujangga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dinobatkan Johan Pertandingan Dikir Barat Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) yang berlangsung baru-baru ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Diketahui pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Mohd Fikri Gani yang juga dikenali sebagai Yie Jentayu turut meraih kejayaan dinobatkan Tukang Karut Terbaik malahan kumpulan ini turut menang Persembahan Terbaik sekaligus membawa pulang Piala Dato' Sri Mustapa Mohamed dan wang tunai berjumlah tiga ribu ringgit.

Menurut Pengurus Kumpulan Warisan Pujangga, Badrul Naim Abidin dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), setiap pasukan perlu membuat persembahan di peringkat saringan terlebih dahulu sebelum layak ke peringkat akhir yang mempertandingan empat pasukan terbaik untuk dinobatkan sebagai pemenang.

"Pencapaian kemenangan ini hasil komitmen dan kerja keras semua ahli kumpulan serta mendapat bimbingan daripada orang yang berpengalaman iaitu Abe Halim Yazid yang dikenali sebagai aktivis dikir barat terkenal dengan nyanyian lagu

Anak Tupai," katanya. Beliau menghargai sokongan semua pihak terutama dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.



Pertandingan pada kali ini menyaksikan sebanyak 12 pasukan berentap merebut kejuaraan. Tempat kedua dimenangi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang juga menang Tok Juara Terbaik, tempat ketiga dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan keempat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Manakala bagi Busana Terbaik dimenangi Universiti Malaya (UM) dan Awak-awak Terbaik milik Universiti Teknologi Mara (UITM). Lain-lain yang mengambil bahagian adalah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)

Lebih meriah majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin bagi meraikan kemenangan yang bermakna buat kumpulan ini.

Berita dan gambar disediakan Badrul Naim Abidin dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 09-05-2016, 10:08:46